

27 SEP 1997

Mahathir-Perubatan

MALAYSIA DAN CUBA BEKERJASAMA DALAM BIDANG PERUBATAN

Oleh: Syed Jamil Jaafar

HAVANA, 27 Sept (Bernama) -- Malaysia berminat menjalin kerjasama dalam bidang perubatan tropika dengan Cuba, terutama untuk memanfaatkan daripada usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang agak maju di negara ini.

Minat itu dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tertarik dengan aktiviti R&D di Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi dan Institut Penyelidikan Perubatan Tropika Pedro Kouri yang dilawatinya Jumaat.

Di Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai penyelidikan bagi penemuan vaksin untuk pelbagai penyakit dan antara kejayaan besar pusat itu setakat ini ialah dalam usaha menangani hepatitis B.

Sebagai seorang lulusan kedoktoran perubatan, Perdana Menteri menunjukkan penuh minat dengan kegiatan pusat itu dan meminta pihak pengurusannya meninjau pasaran bagi ubatan-ubatannya di rantau Asia Tenggara.

Kini hasil pusat itu dipasarkan di negara-negara Amerika Selatan dan beberapa negara Afrika sahaja.

Walaupun Cuba sebuah negara miskin, ia kini sama ada bebas atau hampir bebas daripada penyakit-penyakit seperti malaria, demam denggi, diptheria, batuk kering, rubella (demam campak) dan sebagainya.

Malah menjelang tahun 2000 Cuba mungkin menjadi negara pertama yang keseluruhan penduduknya berjumlah hampir 12 juta, telah diberi vaksin.

Di Institut Pedro Kouri yang ditubuhkan pada 1937, Dr Mahathir mendengar bagaimana Cuba menangani masalah AIDS dan merawat pesakit HIV.

Sejak 1985 Cuba hanya mencatat 1,700 kes HIV dan daripada jumlah itu cuma 600 kematian akibat AIDS dicatatkan.

Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Cuba menyatakan hasrat menghantar pegawai perubatan Malaysia ke sini untuk mempelajari kaedah-kaedah membanteras penyakit, terutama denggi yang menjadi masalah besar di Malaysia.

Syor beliau disambut baik oleh pihak berkuasa Cuba yang berminat mengembangkan hasil penemuan negara ini ke negara luar. -- BERNAMA

SJ RON